LEE IN FONG & SATU LAGI

lwn.

ZAHARA JOHAN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
MOHD. NOOR AHMAD H
[RAYUAN SIVIL NO. 11-12-1991]
29 JULAI 1992

GANTIRUGI: *Kemalangan jalanraya - Plaintif merayu terhadap keputusan Majistret membenarkan tuntutan kehilangan sara hidup di bawah s. 7(1), (2), 3 Akta Undang-Undang Sivil 1956 - Simati berpencen pada masa kemalangan - Samada balu simati berhak menerima pampasan mengikut s. 7(3)(iv)(a) Akta Undang-Undang Sivil 1956 walaupun simati telah berusia 63 tahun - Samada keputusan Majistret yang menetapkan pampasan tersebut atas pencen simati adalah betul.*

PENTAFSIRAN: *Pentafsiran statut - Pentafsiran s. 7(1), (2), (3) - "purposive approach".*

Perayu-perayu mengemukakan rayuan terhadap keputusan Majistret yang membenarkan tuntutan responden di atas kehilangan sara hidup balu simati di bawah s. 7(1), (2) dan (3) Akta Undang-Undang Sivil 1956 sebanyak S$200 sebulan selama tujuh tahun.

Simati berusia 63 tahun dan menerima pencen S$440 sebulan bila ia meninggal dunia dalam kemalangan maut yang melibatkan kedua-dua perayu. Pada masa hayatnya simati menanggung segala perbelanjaan rumah dan selepas tragedi tersebut balu simati kehilangan sara hidup.

Perayu tidak mempertikaikan pendapat Majistret yang memutuskan bahawa perayu pertama adalah bertanggungjawab 100% ataupun amaun yang ditetapkan olehnya.

Perayu menghujah bahawa mengikut s. 7(3)(iv)(a) Akta Undang-Undang Sivil 1956, (Akta tersebut) responden tidak berhak diberi sebarang pampasan atas kehilangan sara hidup oleh sebab simati telah berumur lebih 55 tahun pada tarikh kematian. Oleh sebab penetapan amaun tersebut diasaskan atas pencen simati, keputusan Majistret itu adalah salah.

Diputuskan:

[1] Seksyen 7 Akta tersebut diwujudkan bagi manfaat keluarga tertentu simati yang mana membolehkan keluarga tersebut menuntut gantirugi atas kehilangan sara hidup terhadap orang yang bertanggungjawab di atas kematian itu kerana kecuaian.

[2] Seksyen 7(3)(1)(c) tidak terpakai kerana pencen itu sedia ujud sebelum kematian simati walhal proviso (1)(c) hanya menyebut bahawa dalam mentafsirkan gantirugi, pencen yang dibayar akibat kematian itu tidak boleh di ambilkira.

[3] Seksyen 7(vi)(a) juga tidak terpakai kerana tuntutan gantirugi itu bukan diasaskan atas kehilangan pendapatan akan tetapi diasaskan atas pencen yang sedia ujud pada tarikh kematian yang menjadi sumber sara hidup responden sebelum kematian simati. Juga pencen tersebut tidak boleh disifatkan sebagai pendapatan.

[4] Amaun pampasan hendaklah diasaskan atas sumber sara hidup yang dinikmati oleh responden ketika hayat simati dahulu, iaitu pencen tersebut.

[Rayuan ditolak. Perayu-perayu telah diberi izin untuk merayu kepada Mahkamah Agung]

Kes yang dirujuk:
Northman v. Barnet Council [1978] 1 WLR 228 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Civil Law Act 1956, s. 7(1),(2), (3)

Bagi pihak plaintif - Tan Kok Kwang; T/n. E. Ramasamy & Co.
Bagi pihak defendan - V. Rajendran; T/n. R.K. Nathan

[Nota Pengarang: Perayu-perayu telah merayu kepada Mahkamah Agung melalui Rayuan Sivil No. 04-9 Tahun 1992]

PENGHAKIMAN

Mohd. Noor Ahmad H:

Ini adalah rayuan terhadap keputusan Majistret yang telah membenarkan tuntutan responden di atas kehilangan sara hidup (loss of support), di bawah peruntukan s. 7(1), (2) dan (3) Akta Undang-Undang Sivil 1956, sebanyak S$200 sebulan selama tujuh tahun.

Responden adalah balu simati yang telah meninggal dunia dalam suatu kemalangan jalanraya di Batu 13 1/2 Simpang Merlimau, Jasin, Melaka akibat dilanggar oleh sebuah kereta yang dipandu oleh perayu pertama kepunyaan perayu kedua pada 23 November 1985. Pada tarikh kematian, simati yang berumur 63 tahun adalah seorang pesara Polis Singapura yang mendapat pencen sebanyak S$440 sebulan. Pada masa hayatnya, simati menanggung segala perbelanjaan rumah. Selepas kematian itu, responden tidak menerima sebarang pencen terbitan.

Di dalam perbicaraan, Majistret telah memutuskan bahawa perayu pertama bertanggungjawab 100% atas kemalangan itu. Di hadapan saya, peguam perayu-perayu tidak mempertikaikan amaun yang ditetapkan oleh Majistret itu. Apa yang dipertikaikan olehnya ialah, mengikut peruntukan s. 7(3)(iv)(a) Akta tersebut oleh sebab simati telah berumur lebih dari 55 tahun pada tarikh kematian, responden tidak sepatutnya diberi sebarang pampasan atas kehilangan sara hidup. Dan ia menekan bahawa oleh sebab penetapan amaun itu diasaskan atas pencen simati, keputusan Majistret itu adalah salah. Setelah mendengar hujah-hujah dari kedua-dua pihak saya menolak rayuan itu dan kini perayu-perayu telah merayu terhadap keputusan saya. Izin untuk membuat rayuan ke Mahkamah Agung telah diberi oleh saya.

Seksyen 7 Akta Undang-Undang Sivil 1956 memperuntukkan seperti berikut:

> Compensation to the family of a person for loss occasioned by his death.
>
> 7(1) Whenever the death of a person is caused by wrongful act, neglect or de fault and the act, neglect or default is such as would, if death had not ensued, have entitled the party injured to maintain an action and recover damages in respect thereof, the party who would have been liable if death had not ensued shall be liable to an action for damages, notwithstanding the death of the person injured, and although the death has been caused under such circumstances as amount in law to an offence under the Penal Code.
>
> (2) Every such action shall be for the benefit of the wife, husband, parent, and child, if any, of the person whose death has been so caused and shall be brought by and in the name of the executor of the person deceased.
>
> (3) **The damages** which the party who shall be liable **under subsection (1)** to pay to the party for whom and for whose benefit the action is brought shall, subject to this section, **be such as will compensate** the party for whom

and for whose benefit the action is brought for **any loss of support** suffered together with any reasonable expenses incurred as a result of the wrongful act, neglect or default of the party liable under subsection (1):

Provided that:

(i) in assessing the damages there shall not be taken into account:

(a) x x x x

(b) x x x x ;

(c) any pension or gratuity, which has been or will or may be paid as a result of the death; or

(d) x x x x

(ii) x x x x;

(iii) x x x x;

(iv) in assessing the **loss of earnings** in respect of any period after the death of a person where such earnings **provide for or contribute to the damages** under this section the Court shall:

(a) take into account that where the person deceased has attained the age of fifty five years at the time of his death, his loss of earnings for any period after his death shall not be taken into consideration; and in the case of any other person deceased, his loss of earnings for any period after his death shall be taken into consideration if it is proved or admitted that the person deceased was in good health but for the injury that caused his death and was receiving earnings by his own labour or other gainful activity prior to his death;

(yang digelapkan adalah perbuatan saya sendiri)

Saya berpendapat bahawa peruntukan s. 7 diujudkan oleh Parlimen bagi manafaat keluarga tertentu simati yang menemui maut dalam kemalangan yang melibatkan kematian. Oleh itu, kausa tindakan bagi menuntut gantirugi terhadap orang yang bertanggungjawab di atas kematian itu kerana kecuaian terus hidup untuk membolehkan keluarga tertentu simati itu menuntut pampasan, di antara lain, atas sebab kehilangan sara hidup akibat kematian tersebut (seksyen-kecil (1), (2) dan (3)).

Namun yang demikian, proviso kepada seksyen-kecil (3) telah menetapkan syarat-syarat bagi mentaksirkan gantirugi itu. Syarat-syarat yang relevan dalam kes ini ialah, pertamanya, dalam mentafsirkan gantirugi itu apa-apa pencen atau ganjaran, yang telah, akan atau mungkin dibayar akibat kematian itu tidak boleh diambilkira [proviso (i)(c)]; dan keduanya, dalam mentafsirkan kehilangan pendapatan (loss of earnings) bagi mana-mana tempoh selepas kematian simati jikalau pendapatan tersebut menyumbangkan terhadap gantirugi itu, Mahkamah hendaklah jangan mengambilkira kehilangan pendapatan bagi mana-mana tempoh selepas kematian sekiranya simati telah mencapai umur 55 tahun ketika ia mati; dan bagi lain-lain simati, kehilangan pendapatan bagi mana-mana tempoh selepas kematian hendaklah diambilkira jikalau dibuktikan atau diakui yang simati telah berada dalam keadaan sihat kecuali bagi kecederaan yang menyebabkan kematiannya dan ia telah menerima pendapatan dengan keringatnya sendiri atau dengan lain-lain aktiviti yang mendatangkan hasil sebelum kematiannya [proviso (iv)(a)].

Pada hemat saya, syarat pertama itu tidak terpakai dalam kes ini kerana pencen itu sedia ujud sebelum kematian simati. Dan syarat kedua juga tidak terpakai kerana:

(i) tuntutan gantirugi itu bukanlah diasaskan atas kehilangan pendapatan akan tetapi di atas pencen yang sedia ujud pada tarikh kematian yang menjadi sumber sara hidup responden sebelum kematian simati. Adalah nyata dari peruntukan seksyen-kecil (3) dan proviso (iv) sepertimana digelapkan oleh saya di atas, terdapat ungkapan-ungkapan yang berlainan , iaitu, di dalam seksyen-kecil (3) terdapat ungkapan **"The damages ... under subsection (1) ... shall, ... be such as will compensate ... for any loss of support ..."** dan di dalam proviso (iv) terdapat ungkapan **"... loss of earnings ... where such earnings provide for or contribute to the damages under this section..."**. Perbezaan ini membuktikan dengan jelasnya yang Parlimen bertujuan supaya kehilangan pendapatan boleh diambilkira sebagai salah satu dari perkara-perkara bagi menentukan amaun gantirugi yang dimaksudkan dalam s. 7(1) dan (3) jikalau keadaannya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh proviso (iv) itu. Oleh itu, kesimpulan bolehlah dibuat bahawa huraian dalam proviso kepada seksyen-kecil (3) bukanlah menyeluruh (not exhaustive).

(ii) Pencen berkenaan tidak boleh disifatkan sebagai pendapatan (earnings) kerana mengikut apa yang disyaratkan dalam proviso (iv)(a), malahan bagi simati yang berumur kurang dari 55 tahun ketika ia mati kehilangan pendapatan bagi mana-mana tempoh selepas kematian hanya boleh diambilkira jikalau dibuktikan atau diakui simati telah berada dalam keadaan sihat dan ia telah menerima pendapatan dengan keringatnya sendiri atau dengan lain-lain aktiviti yang mendatangkan hasil sebelum kematiannya. Walhal, sepertimana termaklum, seorang penerima pencen tidak semestinya berada dalam keadaan sihat dan ia tidak perlu bekerja ketika dalam saraan untuk menerima pencen itu.

Soalannya sekarang ialah, bagi maksud s. 7(3), apakah sebenarnya pampasan yang perlu diberi kepada responden sebagai balu simati atas kehilangan sara hidup? Pada pendapat saya, amaun pampasan itu hendaklah diasaskan atas sumber sara hidup yang dinikmati oleh responden ketika hayat simati dahulu, iaitu, pencen tersebut.

Interpretasi s. 7(1), (2) dan (3) yang digunakan oleh saya seperti di atas merupakan "purposive approach" dan adalah sejajar dengan apa yang dikatakan oleh Lord Denning MR dalam *Northman lwn. Barnet Council* [1978] 1 WLR di 228 seperti berikut-

> In all cases now in the interpretation of statutes, we adopt such a construction as will 'promote the general legislative purpose' underlying the provision. It is no longer necessary for Judges to wring their hands and say : "There is nothing we can do about it" Whenever the strict interpretation of a statute gives rise to an absurd and unjust situation, the Judges can and should use their good sense to remedy it - by reading words in, if necessary - so as to do what Parliament would have done, had they had the situation in mind.

Also found at [1992] 4 CLJ 2108